



Headline: Peraih getah rugi RM6.7j kena tipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 20 December 2018

Section: Jenayah  
Page: 21

### MACAU SCAM

## PERAIH GETAH DI KUALA KRAI RUGI RM6.7 JUTA Ms.21

# Peraih getah rugi RM6.7j kena tipu Macau Scam

➔ Mangsa ketakutan dituduh ada kes mahkamah buat pindahan wang sejak Oktober hingga semalam

**Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali**  
sitinor@nstp.com.my

► Kota Bharu

**S**eorang peraih getah kerugian RM6.7 juta ditipu sindiket Macau Scam dalam kejadian di Kuala Krai, di sini.

Menyedari dirinya ditipu, mangsa yang berusia 70-an itu membuat laporan di Balai Polis Kota Bharu, kelmarin.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan, berkata mangsa terpedaya dengan sindiket Macau Scam selepas mendapat panggilan daripada individu yang menyamar sebagai kakitangan mahkamah.

Katanya, individu itu kemudian memaklumkan mangsa mempunyai satu kes mahkamah yang menggunakan identitinya bagi mendaftar satu perniagaan di Johor, namun mangsa menafikan.

“Talian kononnya kemudian disambung ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor dan mangsa bercakap dengan seorang anggota polis.

#### **Mangsa takut**

“Individu itu memberitahu mangsa, kes itu sedang disiasat dan perlu hadir ke mahkamah.

“Kerana terlalu takut, mangsa membuat beberapa transaksi ke dalam akaun bank yang diberi sindiket dalam jumlah antara

RM80,000 hingga RM500,000 bermula Oktober lalu hingga semalam (kelmarin),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Deputi Superintendan Ahmad Arifin kepada Ketuanya, Superintendan Ahmad Azizul Mohamed di sini, semalam.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

“Penipuan itu adalah paling besar tahun ini dan kita menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dan tidak terpedaya dengan ancaman palsu serta sindiket penipuan termasuk menerusi panggilan telefon,” katanya.